

Malaysia mungkin saman Goldman Sachs kes 1MDB



Bank pelaburan Amerika Syarikat tak beri maklum balas ulas perkara

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim membayangkan Malaysia mungkin mengambil tindakan undang-undang terhadap Goldman Sachs atas pembabitannya dalam skandal rasuah berbilion dolar membabitkan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sebelum ini, bank pelaburan Amerika Syarikat (AS) itu mencapai penyelesaian dengan Malaysia pada 2020 selepas berseutu membayar AS\$2.5 bilion (RM11.6 bilion) dalam bentuk

tunai dan jaminan pemulangan aset berjumlah AS\$1.4 bilion (RM6.5 bilion), manakala kerajaan menggugurkan semua pertuduhan jenayah terhadap Goldman.

Bagaimanapun, Perdana Menteri awal tahun ini menyatakan bahawa Malaysia sedang meneliti semula perjanjian penyelesaian itu kerana jumlah yang dipersetujui terlalu kecil.

"Saya tidak menolak kemungkinan pelaksanaan prosiding semula menerusi tindakan undang-undang," katanya dalam temu bual dengan CNBC yang disiarkan semalam.

Teliti langkah itu

Mengulas lanjut, Anwar juga memaklumkan Malaysia turut meneliti beberapa langkah lain, termasuk rundingan semula dengan bank berkenaan.

Goldman tidak memberi maklum balas ketika diminta mengulas mengenai perkara itu, namun bank AS itu sebelum ini beberapa kali menafikan berlaku salah laku daripada pihaknya dalam kes 1MDB.

Pihak berkuasa Malaysia dan AS menganggarkan kira-kira AS\$4.5 bilion (RM20.9 bilion)

dicuri daripada 1MDB antara 2009 hingga 2014, dalam komploit yang membabitkan pihak tertinggi dalam kerajaan dan pengurusan bank di Malaysia dan beberapa negara lain.

Menurut Jabatan Keadilan AS, Goldman membantu 1MDB meraih AS\$6.5 bilion (RM30.2 bilion) menerusi dua tawaran

bon, dengan bank itu memperoleh bayaran AS\$600 juta (RM2.8 bilion).

Menerusi perjanjian penyelesaian pada 2020, Goldman turut perlu membuat bayaran interim berjumlah AS\$250 juta (RM1.16 bilion) jika kerajaan Malaysia tidak menerima aset dan hasil bernilai sekurang-kurangnya AS\$500 juta (RM2.3 bilion) menjelang Ogos 2022, kata bank itu sebelum ini.

Menurut Goldman, bank itu dan Kerajaan Malaysia berbanggah pendapat mengenai sama ada Malaysia memperoleh sekurang-kurangnya AS\$500 juta setakat Ogos 2022 dan sama ada terdapat tunggakan bayaran interim.

Jelasnya, pertikaian itu perlu diselesaikan menerusi penimbangan jika kedua-dua pihak tidak dapat mencapai persetujuan. REUTERS

"Saya tidak menolak kemungkinan pelaksanaan prosiding semula menerusi tindakan undang-undang"

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri

